

Ketua Hakim Negara baharu diumumkan minggu ini

> Ada empat kekosongan jawatan tertinggi badan kehakiman perlu diisi segera

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pelantikan Ketua Hakim Negara yang baharu akan diumumkan menjelang hujung minggu ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kera-

jaan masih lagi menunggu kelulusan daripada Majlis Raja-Raja berhubung pelantikan berkenaan.

“Saya jangka akan dapat diketahui hujung minggu ini,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri di sini, semalam.

Mengikut kebiasaan, jawatan Ketua Hakim Negara yang kosong selepas persaraan Tan Sri Richard Malanjum pada 12 April lalu, akan diisi dalam tempoh seminggu selepas ia dikosongkan, namun sehingga kini jawatan itu masih belum diisi.

Menurut laporan sebuah portal berita baru-baru ini, nama Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Idrus Harun yang juga abang kepada Pengerusi Suruhanjaya Pili-



Dr Mahathir bersama Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar pada Majlis Perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

han Raya, Azhar Azizan Harun, turut disebut-sebut mengisi jawatan itu.

Calon wanita

Abang sulung mereka, Mahadir pernah bertugas sebagai penasihat undang-undang kepada Dr Mahathir sewaktu beliau memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Industri.

Bagaimanapun, ada juga cakap-cakap yang mengatakan bakal Ke-

tua Hakim Negara adalah seorang wanita.

Sekiranya benar, negara dan badan kehakiman akan mencatat sejarah buat kali kedua kerana jawatan itu selama ini hanya dipegang oleh lelaki.

Bagaimanapun, calon terdekat, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Zaharah Ibrahim yang kini adalah 'orang nombor tiga' dalam badan kehakiman, bakal bersara wajib bulan hadapan.

Dua lagi individu yang bakal mengosongkan kedudukan masing-masing kerana bersara wajib ialah 'orang nombor dua', iaitu Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Ahmad Maarop, dan 'orang nombor empat', Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Seri David Wong Dak Wah.

Ini sekali gus menjadikan terdapat empat kekosongan jawatan tertinggi badan kehakiman yang perlu diisi segera.